

Hari 21 | Djibouti di Afrika Timur

Statistik-statistik Djibouti:

- 94% Muslim
- 60% Somali ethnik; 35% Afar; 5% Perancis, Arab & lain-lain
- 486,000 Orang Penduduk (Julai 2006)

Republik Djibouti terletak di antara Ethiopia dan Somalia, dan merupakan negara kedua terkecil di Afrika. Negara yang terkepung seluruhnya oleh negara lain ini amat kering, ia selalu mengalami kemarau, hanya mempunyai sedikit sumber asli, dan perindustrian juga terbatas. Kadar

pengangguran sekurang-kurangnya 50% di negara ini.

Djibouti mempunyai pelbagai suku oleh kerana ia terletak di lokasi yang strategik di persimpangan jalan-jalan perdagangan. Suku-suku Somali dan Afar di rantau ini adalah antara suku yang pertama di Afrika memeluk Islam melalui talian perdagangan dengan Semenanjung Arab. Namun, walaupun ia mempunyai sejarah Islam yang lebih dari 1,000 tahun lamanya, Djibouti lebih terbuka dan bertoleransi terhadap agama Kristian

berbanding dengan negara-negara jirannya. Orang-orang asing dapat tinggal dan bekerja di Djibouti dengan agak senang. Terdapat media bebas dan akses kepada internet yang terbuka. Mahkamah Syariah di sini telah digantikan oleh Mahkamah Keluarga pada bulan Februari 2004.

Suku Afar adalah dari kumpulan Kush (Cushitic), berkaitan dengan orang-orang Somalia tetapi berbeza dari segi buharia dan bahasa. Terdapat di antara 1-2 juta orang Afar tersebar di antara

Hari 21 | Djibouti di Afrika Timur

Djibouti, Ethiopia dan Eritrea, tetapi hanya sebilangan kecil yang telah menjadi Kristian. Di ibu kota Djibouti, terdapat suatu persekutuan yang kecil bertempat di tempat yang semak, miskin dan sukar. Sekumpulan kaum wanita Afar di sini sedang menemui kebenaran Alkitab di dalam bahasa mereka sendiri.

Di kalangan orang-orang Somalia (kebanyakan Issas), terdapat beberapa kumpulan kecil orang-orang Kristian yang juga bersekutu. Mereka menceritakan tentang mimpi-mimpi di mana Mesias

memberikan mereka FirmanNya sambil memberikan mereka air untuk diminum dan buah-buahan untuk dimakan, serta memberitahu mereka bahawa Dia akan memelihara mereka. Mimpi-mimpi sangat penting buat orang-orang Somali yang percaya kerana kebanyakan di antara mereka buta huruf.

Beberapa orang percaya di antara golongan orang Kristian Ethiopia yang bervisi untuk menjangkau jiran-jiran Afar dan Somali mereka. Mereka berdoa, kadangkala sepanjang malam, untuk pelarian-pelarian

dan bandaraya Djibouti. Marilah kita berganding bahu dan percaya bahawa doa-doa yang bersekutu akan membawa berkat kepada bandaraya ini (Yeremia 29:7).

Bahan-bahan Doa:

* Pada masa lalu, masalah kepuakan dan pergelutan kepimpinan telah memecahkan suku-suku ethnic di sini. Perang saudara (1991-1994) tamat secara rasmi pada tahun 2001. Sikap saling

Hari 21 | Djibouti di Afrika Timur

menghormati dan visi bagi masa depan sangat diperlukan.

* Berdoalah agar bandaraya Djibouti akan menjadi suatu tempat perlindungan yang damai dan membawa terang kepada Somalia, Ethiopia dan Timur Tengah.

* Beberapa orang Kristian telah memberi bantuan praktikal melalui program-program pendidikan, mengajar orang ramai membaca dan menulis, dan penterjemahan. Berdoalah agar usaha-usaha

ini akan menghasilkan banyak buah.

* Berdoalah bagi penubuhan gereja-gereja asli di antara orang-orang Afar dan Somalia. Terdapat siaran radio Kristian setiap hari dalam kedua-dua bahasa.

Menurut Patrick Johnstone “Darfur merupakan salah satu kawasan yang paling terabai di bumi pada hari ini.” Di antara lebih dari 6 juta orang dari 35 suku kaum di sini terdapat

kurang daripada 500 orang Kristian. Berdoalah agar mereka akan mendapat wahyu tentang Yesus melalui mimpi, penglihatan dan pengisytiharan firman Tuhan.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim